

Kempen "Simpan Je & Menang" 2025 ("Kempen")

Soalan Lazim

1. Apakah itu Kempen "Simpan Je & Menang"?

Simpan Je & Menang ialah kempen yang bertujuan menggalakkan pemegang unit Bumiputera untuk meningkatkan pelaburan mereka dalam Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dan mengekalkan pelaburan mereka, dengan peluang memenangi hadiah menarik.

Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB").

2. Bilakah tempoh Kempen?

Kempen ini akan bermula dari jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025 sehingga jam 23:59 (GMT + 8) pada 31 Mac 2025.

3. Apakah syarat-syarat kelayakan untuk menyertai Kempen ini?

- i. Peserta mesti mempunyai pelaburan minimum Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000.00) dalam ASB sebelum permulaan tempoh Kempen.
- ii. Peserta mesti membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00), boleh terkumpul, dalam ASB sepanjang tempoh Kempen untuk memperoleh SATU (1) tiket penyertaan untuk cabutan hadiah.
- iii. Peserta tidak dibenarkan melakukan sebarang transaksi jualan balik, penukaran atau pemindahan (kecuali transaksi pemindahan bagi Wakaf ASNB) dalam ASB sepanjang tempoh Kempen.

4. Adakah syarat kelayakan pelaburan minimum yang dinyatakan dalam (3) merujuk kepada pelaburan tunai sahaja?

Tidak, syarat kelayakan pelaburan minimum yang dinyatakan dalam (3) tidak merujuk kepada pelaburan tunai sahaja. Ia termasuk semua pegangan anda dalam bentuk pelaburan tunai, sijil, sijil pinjaman, blok dan pelaburan SPA-KWSP.

5. Bolehkah saya mendapatkan tiket tambahan untuk menyertai cabutan hadiah?

Ya, peserta boleh memperoleh tiket tambahan melalui pelaburan berikutnya sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dalam ASB sepanjang tempoh Kempen, sehingga maksimum SEPULUH (10) tiket bagi setiap peserta.

6. Apakah platform pelaburan yang layak untuk Kempen ini?

Peserta mesti telah berjaya melabur dalam bentuk tunai melalui mana-mana platform berikut ("Platform"):

- i. Kaunter ("OTC") di cawangan ASNB dan ejen-ejenjnya;
- ii. myASNB iaitu melalui portal (www.myASNB.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih;
- iii. Perbankan internet ejen-ejen ASNB yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB termasuk MAE, Maybank2u, CIMB Octo, CIMB Clicks, RHB Now, Affin Online, HLB Connect, Bank Islam GO dan AmOnline;
- iv. Ejen digital ASNB termasuk TouchnGo eWallet dan mana-mana ejen digital yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- v. Mesin ATM Maybank dan CIMB Bank atau mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- vi. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta);
- vii. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional; atau
- viii. Auto Labur melalui myASNB portal dan/atau aplikasi mudah alih.

7. Bagaimanakah cara mendaftar untuk menyertai Kempen ini?

Peserta mesti mendaftar untuk menyertai Kempen ini, melalui pilihan dua kaedah berikut:

- i. Mengisi borang dalam talian (Microsoft/Google Form) melalui kod QR yang dipaparkan dalam semua bahan promosi Kempen. Maklumat mengenai pendaftaran Kempen melalui borang dalam talian juga boleh didapati dalam promosi Kempen di laman web ASNB (www.asnb.com.my), portal myASNB (www.myASNB.com.my), aplikasi myASNB, media sosial ASNB, cawangan ASNB, ejen bank ASNB dan mana-mana saluran media yang berkaitan. Peserta hanya perlu mendaftar sekali untuk Kempen sepanjang tempoh Kempen; ATAU
- ii. Mengisi frasa 'SIMPANJE' pada kod rujukan semasa membuat transaksi pelaburan melalui aplikasi atau portal myASNB dengan pelaburan minimum yang layak untuk Kempen ini.

8. Bagaimanakah cara pemenang dipilih?

Peserta yang layak akan dipilih secara rawak untuk pemilihan pemenang Kempen melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB selepas tempoh Kempen berakhir.

9. Apakah hadiah yang ditawarkan oleh Kempen ini?

Kempen ini menawarkan hadiah kepada 500 Pemenang terdiri daripada Pakej Umrah atau Pelancongan untuk dua orang, telefon pintar, jam tangan pintar, peralatan rumah dan e-baucar dengan jumlah keseluruhan hadiah bernilai RM500,000, di mana pilihan pemenang adalah berdasarkan mekanik cabutan tiket.

10. Bagaimanakah pemenang akan dihubungi?

ASNB akan menghubungi pemenang untuk menebus hadiah melalui e-mel atau mana-mana saluran komunikasi yang sesuai dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tempoh Kempen tamat. Pemenang mesti memberikan semua maklumat peribadi seperti nombor telefon dan alamat penghantaran yang sah semasa mengisi borang dalam talian (Microsoft/Google Form) yang disediakan melalui e-mel untuk urusan pemenuhan hadiah.

Senarai pemenang juga akan diterbitkan oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai seperti laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial milik ASNB.

11. Unit amanah ASB saya sudah penuh tetapi saya ingin menyertai Kempen ini. Bolehkan saya turut sertai Kempen ini?

Ya, anda boleh. Jika unit amanah ASB anda sudah penuh, anda masih boleh menyertai Kempen ini dengan membuat pelaburan dalam unit amanah ASNB yang lain. Anda boleh memilih unit amanah yang ingin disertai melalui borang pendaftaran Microsoft dalam talian.

12. Jika saya berwakaf melalui Wakaf ASNB dan baki pegangan saya berkurangan, adakah saya masih layak untuk Kempen ini?

Ya, sebarang transaksi pemindahan bagi Wakaf ASNB dikecualikan daripada pengesahan kempen. Oleh itu, sekiranya pemegang unit berwakaf melalui Wakaf ASNB, mereka masih layak untuk menyertai Kempen ini.